


OUT

U

# GEMPAK.

WEEKLY EDITION



*Khairul Aming*

SIMBOL PERPADUAN RAKYAT!



# KHAIRULAMING

Tidak keterlaluan jika memulakan artikel ini dengan membahasakan Khairil Amin Kamarulzaman atau nama komersialnya, Khairulaming tidak ubah seperti seorang tokoh dan suri teladan terbaik yang pernah lahir dalam sejarah generasi masa kini.

Jika Khairulaming adalah seorang politikus, parti yang didirikan barangkali paling ramai mempunyai pengikut yang setia menyokong perjuangannya; sama seperti betapa pemuda 31 tahun ini memiliki 4.1 juta pengikut di Instagram serta 5.2 juta di Tik Tok selain jutaan pengikut di saluran YouTube.

Tidak mustahil juga Khairulaming senang diangkat menjadi pak menteri, silap hari bulan beliau diberi tanggungjawab menjadi presiden atau kepala negara menerusi semua manfaat yang telah dikongsikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Ironi, Khairulaming hanya seorang pemuda biasa. Tapi biasa Khairulaming berbisa dan penuh isi. Jauh sebelum menjadi sohor kini sebagai pencipta kandungan digital dan personaliti media sosial, beliau memastikan ilmu penuh di dada. Nun jauh di Universiti Vanderbilt, Amerika Syarikat beliau berkelana menimba ilmu.

Dan pada saat ramai pencipta kandungan terkinja-kinja menari, menghasilkan konten yang memuaskan serta tidak bermaruah, Khairulaming menebarkan ‘jala’ mengaut hasil menerusi perkongsian tentang resipi.

‘Hi what’s up guys’, sapaan yang terdengar ringkas tapi mengesankan sehingga dari hanya berkongsi beragam resipi mudah yang kemudian menjadi tular pada zaman PKP dan juga panduan paling berguna di bulan Ramadan, Khairulaming bijak memanipulasi situasi dengan muncul sebagai ahli perniagaan.

Hanya berbekalkan Sambal Nyet yang diusahakan pada 2021, Khairulaming menjabat satu lagi jawatan iaitu sebagai ahli perniagaan Malaysia yang berjaya sehingga memenangi anugerah Penjual Baharu Terbaik dan Khidmat Pelanggan Terbaik dari Shopee setahun kemudian.

Menerusi perniagaan yang diusahakan, Khairulaming menjadi kaya raya — jutawan muda tepatnya tapi tetap rendah diri dan menjadi bos dambaan apabila sering menghargai pekerja menerusi pemberian bonus dan percutian mewah.

Malah penerima Pencipta Kandungan Tik Tok Tahun Ini pada 2023 lalu itu terus mencetak banyak kejayaan yang tidak pernah digapai oleh pencipta kandungan lainnya.

Ini termasuklah dengan santai makan dan mengajar resipi kepada Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon yang disifatkan pengguna media sosial sebagai ‘another level’.

Belum cukup dengan itu, kemunculan Khairulaming pada pesta Keretapi Sarong 2024 dengan membaca ikrar rukun negara juga dilihat sebagai dimensi baharu buat seorang pencipta kandungan yang mampu mempengaruhi generasi masa kini dan ‘rakyat jelata’ dengan pendekatan yang sederhana tetapi mengesankan.

Bayangkan, dengan semua pencapaian yang diterima, kebijaksanaan mengemudi media massa, mampu ‘membaca’ permainan ‘marketing’ bersama imej yang bersih, sudah terkenal seluruh dunia, bagaimana jika tiba-tiba Khairulaming bertanding menjadi wakil pemuda.

Menang mudah barangkali Khairulaming. - MALIAH SURIP

# 15,000

## Banjiri Keretapi Sarong 2024!


Acara Keretapi Sarong 2024 (KS2024) disambut meriah dengan menyaksikan kehadiran 15,000 peserta ke acara tersebut.

Bukan sahaja aktiviti kebudayaan dan persembahan artis, KS2024 juga dikejutkan dengan kehadiran pempengaruh, Khairul Aming yang mengetuai bacaan ikrar bersama wakil komuniti daripada Untited Malaysia Hindu Voice, Suren.

Mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan, Pengarah Program Keretapi Sarong 2024 (KS2024), Shamsul Bahrin Zainuzzaman menjanjikan sambutan lebih meriah termasuk konsert tahun hadapan.

KS2024 turut dihadiri Hael Husaini, Noraniza Idris, Mek Yun, Pinn Yang, Azfar Heri dan ramai lagi.

Untuk info, Keretapi Sarong 2024 merupakan program anjuran LOCCO iaitu organisasi yang membantu mempromosikan aktiviti kebudayaan menerusi pengajuran Keretapi Sarong sejak 2017.



## Kenali IShowSpeed, Gamers & YouTuber Terkenal Dunia Yang Ada Aset Cecah RM230 Juta

Kehadiran seorang lelaki kulit hitam dengan rambut kerinting yang dikenali sebagai IShowSpeed dalam kalangan peminatnya di Malaysia baru-baru ini menimbulkan pertanyaan siapa individu yang telah membuat pusat beli-belah sesak selain penggemarnya menjadi 'gila'?

Ironi, IShowSpeed atau nama sebenarnya Darren Jason Watkins Jr. memang benar-benar popular dan boleh disifatkan sebagai selebriti pujaan dalam kalangan gamers dan penonton You Tube.

Sejak mewujudkan saluran YouTube atas nama IShowSpeed pada 2016, dia telah memiliki lebih 15 juta langganan dengan sekitar 1.2 bilion tontonan video.

Lelaki berusia 40 tahun ini kemudian menjadi sangat popular selepas memfokuskan konten bola sepak pada 2022 dan merupakan peminat tegar Cristiano Ronaldo.

Dia kini bukan hanya seorang gamers dan YouTuber tetapi bergelar penyanyi selepas melahirkan single berjudul World Cup.



### PEWDIEPIE

Memiliki nama asal Felix Arvid Ulf Kjellberg, lelaki ini mencipta nama sebagai tokoh internet, YouTuber dan pencipta konten digital popular menerusi perkongsian berkaitan permainan video.

Berasal dari Sweden, PewDiePie memiliki lebih 108 juta pengikut sekaligus menjadikan saluran YouTube miliknya sebagai platform dengan konten permainan video terbanyak.

Menerusi pekerjaannya ini, Celebrity Net Worth menganggarkan PewDiePie memperoleh aset kekayaan melebihi RM230 juta.



### SOLOZ

Soloz merupakan seorang pemain profesional permainan video Mobile Legends: Bang Bang.

Pada Julai 2020, Soloz merupakan pemegang rekod Malaysia Book of Records iaitu memecah rekod peribadinya sendiri apabila dia berjaya meraih lebih daripada 100,000 penonton setelah mendiamkan dirinya untuk beberapa seketika.

Anak kelahiran Negeri Sembilan itu menerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) pada tahun 2022. Dia kini memiliki lebih 1.8 juta pelanggan di YouTube.



### POK RO

Cukup terkenal dengan kandungan saluran YouTube yang memfokus kepada permainan video genre seram, nama Pok Ro tidak perlu diperkenalkan dalam kalangan peminatnya.

Berasal dari Terengganu, Pok Ro yang merupakan gabungan nama Pok iaitu Pakcik dan Ro nama panggilan dari anak saudaranya memiliki lebih 1.1 juta pelanggan di saluran YouTube.

Popularitinya membawa Pok Ro kepada pengiktirafan dinobatkan sebagai Gamer Tergempak 2023 dalam Gempak Most Wanted Awards 2023.

## Taasub Agama Sampai Sesat

Pembongkaran jenayah di sebalik berdirinya Global Ikhwan Service and Business Holding (GISBH) yang mengaburi masyarakat dengan ajaran agama telah menggemparkan negara. Hal itu lantaran banyak penemuan mengejutkan yang telah menjadi sesuatu yang ‘halal’ dan ajaran dalam GISBH sehingga boleh dikategorikan sebagai sesat dan jauh daripada ajaran agama Islam sebenar.

Ini termasuklah pengakuan ramai anak-anak yang hidup dalam ‘dunia GISBH’ telah diliwat, didera serta diasingkan daripada masyarakat. Selain itu terjadinya perkahwinan campur atau ‘sedarah’ yang dilarang Islam. Sementara pengasas GISBH pula didakwa hidup mewah hasil menjadikan anak-anak dibawah umur sebagai hamba dan bekerja.

Sehingga kini kerajaan masih berusaha keras dan mahu menumbangkan GISBH sama seperti beberapa aliran agama yang telah diwartakan haram sebelum ini.



### Ayah Pin



Ajaran sesat ini diasaskan oleh Ariffin Mohamad atau Ayah Pin di Besut, Terengganu selepas mendakwa menerima wahyu lalu menubuhkan ajaran dan penempatan ‘Kerajaan Langit’.

Ayah Pin dianggap Tuhan oleh para pengikut yang begitu taasub dengannya selain menganggap beliau raja langit dan objek yang tertinggi pengabdian untuk semua agama. Pengikutnya yang sentiasa mempertahankan dakwaan karut Ayah Pin juga percaya lelaki tersebut akan kembali sebagai Imam Mahdi.

Kerajaan akhirnya mengambil tindakan tegas terhadap kumpulan ajaran sesat termasuk memusnahkan Kerajaan Langit pada tahun 2005.



### Al Arqam



Antara ajaran sesat paling popular di Malaysia adalah Al Arqam. Diasaskan oleh Ashaari Muhammad pada tahun 1968, ajaran sesat ini juga dikenali dengan nama Jamaah Aurad Muhammadiyah.

‘Jemaah’ yang mengikut ajaran ini diajarkan bahawa solat Jumaat tidak wajib dan mendakwa Ashaari tidak perlu kitab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ilmu itu datang terus daripada ALLAH SWT dalam bentuk ilham.

Al Arqam akhirnya diwartakan sesat pada 21 Disember 2006.



### Millah Abraham



Salah satu ajaran sesat yang pernah wujud sebelum difatwakan haram di Malaysia adalah Millah Abraham.

Antara ajaran diamalkan termasuk mempercayai kewujudan nabi baharu, mempunyai syahadah berbeza selain cuba menggabungkan tiga agama iaitu Islam, Yahudi dan Nasrani selain sembelihan bukan ahli adalah haram.

Sehingga kini pihak berkuasa masih memantau agar ajaran sesat ini tidak diteruskan atau berkembang dengan merekrut ahli baharu.




## Gayong Angkat Kisah Pengasas Silat

Filem epik Gayong mengangkat kisah pengasas Silat Seni Gayong, Allahyarham Datuk Meor Abdul Rahman.

Gayong menampilkan barisan pelakon terkenal tanah air seperti Beto Kusyairi, Nabila Huda dan Syafie Naswip selain bintang silat terkenal Yayan Ruhian (Indonesia) serta Chevanon Phukaokaew (Thailand).

Gayong akan menjalani penggambaran selama 60 hari mulai 5 Oktober ini dan dijangka bakal ditayangkan pada Mei tahun hadapan.



Tafakur mengisahkan seorang suri rumah bernama Ella yang tinggal di sebuah banglo bersama suaminya Imlan namun berdepan paranoia dan penyakit amnesia.

Filem terbitan Feisk Productions dan Stelo Infotainment itu dibintangi oleh Luqman Hafidz, Sasqia Dahuri, Syazani Zikry dan Amylia Aidura.

Tafakur akan memulakan tayangan di pawagam 19 September 2024.



Filem Miftah Alam, terbitan DMJ Megah Sdn Bhd, menampilkan kisah alam manusia dan bunian yang diinspirasikan daripada kisah benar. Filem berdurasi 1 jam 21 minit ini menampilkan pelakon seperti Zera Hariz, Taiyuddin Bakar dan Eyka A Rahim.

Cerita berkisar tentang hubungan empat sahabat iaitu Adam, Zera, Hawa, dan Iman. Hawa yang memendam perasaan terhadap Adam, sementara Zera yang ceria dan baik rupanya seorang pengamal ilmu hitam. Melalui amalan mistik, Zera menggunakan kuasa tersebut untuk mencapai keinginannya.

## Aina Abdul Merajai Carta, GMW Cari Hos Baharu

Gempak Most Wanted (GMW) masih membuka peluang kepada semua individu yang berpengetahuan luas dalam bidang hiburan tempatan dan trend media sosial terkini.

Jom serlahkan bakat korang sebagai hos GMW yang akan mengemudi weekly show & Gempak Most Wanted Awards 2024!

Ikuti cara-caranya:


- Muat naik video penyertaan di TikTok/Instagram
- Set akaun kepada PUBLIC
- Tag @astrogempak di video dan caption
- Sertakan hashtag #PencarianHosGMW #HostGempakMostWanted #GempakMostWanted
- Isi borang penyertaan anda di [gempak.com/gempakmostwanted](http://gempak.com/gempakmostwanted)
- Tarikh tutup penyertaan 30 November 2024

Carta mingguan GMW menyaksikan penyanyi hebat Aina Abdul merajai takhta dengan undian keseluruhan tertinggi dan mendominasi kategori Video Muzik Trending dan Program Digital Trending. Selain itu, pelakon kacak Jazmy Juma serta drama lakonannya Nuh & Nayla turut mendominasi carta minggu ini.

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu. Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di [gempak.com/gempakmostwanted](http://gempak.com/gempakmostwanted).

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO. Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

### SELEBRITI TRENDING

- 1 Jazmy Juma
- 2 Meerqueen
- 3 Scha Elinnea
- 4 Erysha Emyra
- 5 Siti Khadijah Halim

### DRAMA TRENDING

- 1 Nuh & Nayla
- 2 Cinta Untuk Sekali Lagi
- 3 Dedaun Hijau Di Angin Lalu
- 4 Aku Bukan Ustazah
- 5 X-Change

### VIDEO MUZIK TRENDING

- 1 Puas Sudah (Aina Abdul)
- 2 Masing - Masing (Ernie Zakri & Ade Govinda)
- 3 Classic (DOLLA)
- 4 My Home Is In Your Arms (Daiyan Trisha)
- 5 Belum Mulai (Insomniacks & Nabila Taqiyah)

### PROGRAM DIGITAL TRENDING

- 1 Confession Bilik Gelap - Aina Abdul
- 2 Pelajar Tayang Keputusan SPM 7G Di Media Sosial, Raih Simpati Atau Populariti?
- 3 SYAFIQ KYLE Interview | Sheriff / The Experts / Blood Brothers
- 4 Apa Cerita? Viral Queen ft. Kasih Iris Leona
- 5 Janna Nick (Part 1) Tak Percaya Ashraf Muslim Buang Saka Dia? - Sembang Seram

# Farhan Mustapha, Penebar Roti Canai Kini Juara Gimme The Mic Malaysia!

Usaha tidak akan pernah mengkhianati hasil! Farhan Mustapha bersulam manis apabila dinobat Grand Champion Gimme The Mic Malaysia 2024.

12 tahun bertarung bukanlah satu perkara yang mudah, Farhan si anak muda yang dahulunya bekerja sebagai penebar roti canai tidak pernah patah semangat untuk terus mengorak langkah dalam industri.

"Bergelar juara, ia satu pencapaian yang saya tak jangkakan langsung. Saya mahu menjadi seorang penyanyi. Apa yang membuat saya untuk terus lakukan ini adalah untuk sambungkan legasi arwah bapa saya. Arwah bapa saya memang nak saya menyanyi. Bakat juga saya warisi dari dia."

"Jadi itulah punca saya tidak pernah berputus asa langsung sebab saya yakin pada rezeki. Jadi inilah rezeki, Alhamdulillah. Banyak pertandingan nyanyian saya serta seperti Bintang RTM pada 2012 tetapi tersingkir pada peringkat separuh akhir, saya serta semula pada 2016, juga tersingkir pada separuh akhir."

"Akademi Fantasia (AF) juga saya serta hingga dapat Top 15 tapi tak lepas juga. Mentor Millenia juga saya tersingkir minggu pertama."

"Saya juga ada serta sebuah label rakaman tetapi mereka tak nampak bakat saya, mereka tak hargai bakat saya. Apa yang saya dapat kini mungkin berkat kesabaran saya, inilah hasilnya. Kunci kejayaan adalah sabar," ujarnya.

Farhan membawa pulang hadiah RM10,000 daripada Astro, beserta \$2,000 USD daripada TikTok, dan penerbitan sebuah album single tajaan Astro & Rocketfuel.

Farhan dan lima finalis lain, Shazreen Shaharum, Bulan Asyraff, Ameerais, Syaffiq Sahli dan Jelly Belly bakal mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa bagi berentap di pentas Gimme The Mic Global.





## Konsert Solo Pertama Nora Ariffin

Impian Datuk Nora Ariffin untuk mengadakan konsert solonya bakal terlaksana pada 18 Disember ini di Stage 1 Theatre, PJ Pac, 1 Utama E, Petaling Jaya bermula jam 8.30 malam.

Konsert berjudul Hanya Satu : Datuk Nora Ariffin (30 Years Journey) ini adalah sempena pembabitan Nora selama 30 tahun dalam industri muzik tanah air.

Dalam konsert berdurasi dua jam ini, Nora akan menyanyikan sebanyak 17 lagu popular dan malar segar daripada 18 albumnya. Antara lagu-lagunya adalah Di Persimpangan Dilema, Naluri (Hadirlah Kekasih), Sandiwara, Menyemai Cinta Bersamamu, Renungan Terakhir, Jentayu dan banyak lagi.

Harga tiket konsert bermula dari RM108 (Interlude), RM158 (Sandiwara), RM218 (Debaran), RM288 (Naluri), RM318 (Samudera), RM418 (Jentayu) dan RM518 (Kirana) untuk VIP dan Sesi Meet & Greet dijual melalui [www.onetix.com.my](http://www.onetix.com.my).

## Mawi Hadiahkan Konsert Tsumawi World Live In KL 2025

Hampir dua dekad dalam bidang seni, Mawi mengumumkan bakal menjayakan sebuah konsert solo Konsert Tsumawi World Live in KL pada 25 Januari 2025 di Mega Star Arena KL.

"Ini merupakan hadiah untuk peminat dan tanda saya masih berada dalam industri nyanyian," katanya.

Menyasarkan 5,000 peminat untuk hadir ke konsert itu nanti, Mawi akan membawa beberapa nama besar ke atas pentas bersamanya. Konsert itu akan menggunakan khidmat Oja sebagai pengarah muzik.





## Australian Breakdancer Raygun Ranked No. 1 In The World

Australian breakdancer Rachael Gunn, also known as B-Girl Raygun, unexpectedly ranked No. 1 in the world after winning the 2023 WDSF Oceania Championships, despite her poor performance at the 2024 Paris Olympics.

Her Olympic routines, which included unconventional moves like a "kangaroo hop," became viral but did not score any points.

The WDSF rankings, based on performances over the last year, excluded Olympic results, allowing Raygun's victory in Oceania to boost her to the top spot. This has sparked controversy, with many questioning the accuracy of the rankings.

## Key Facts About the Recent Halal Certification Controversy



The recent issue surrounding halal certification in Malaysia has sparked debate among business owners and politicians. Here are the key points you need to know:

1. Five popular restaurant chains, including Johnny's and Mr. Dakgalbi, do not hold Malaysian halal certification but are Muslim-friendly (no pork or alcohol served).
2. JAKIM is considering making halal certification compulsory for these establishments, sparking concerns.
3. The Malaysian Indian Restaurant Owners Association argues halal certification should remain optional due to the financial burden on small businesses.
4. Teresa Kok, a Member of Parliament, voiced similar concerns, warning of increased administrative costs for businesses already adhering to Muslim-friendly standards.
5. Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim criticized Kok's remarks, emphasizing the need for regulations to ensure peace of mind for Muslim consumers, leading to public backlash and a police investigation into her comments.